



NOTA PERCAKAPAN
YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
GALERI UNITI KELUARGA MALAYSIA

1 OKTOBER 2022 (SABTU)
2.00 PETANG

Assalamualaikum, Salam
Sejahtera, Salam Perpaduan
dan Salam Keluarga
Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kerana dapat
bersama-sama pada Majlis
Pelancaran Galeri UNITI
Keluarga Malaysia, di

AEON BiG Bandar Tun Hussien Onn.

2. Penghargaan & terima kasih kepada **Tuan Sheikh Farouk bin Sheikh Mohamed, Pengarah Urusan yang mewakili AEON BiG (M) Sdn Bhd** sebagai penganjur bersama Program Galeri UNITI

Keluarga Malaysia pada hari ini.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pengunjung Keluarga Malaysia yang bersama-sama memeriahkan dan seterusnya menjayakan program hari ini.

GALERI UNITI KELUARGA MALAYSIA

**Keluarga Malaysia yang
saya kasihi,**

4. Program Galeri UNITI

Keluarga Malaysia telah

berlangsung serentak

seluruh negara bermula

pada 29 September 2022

dan akan berakhir pada 9 Oktober 2022.

5. Program yang memberi fokus kepada penghayatan detik-detik perpaduan ini dilaksanakan dengan berlandaskan prinsip **kebersamaan, toleransi dan saling menghormati.**

6. Pelbagai aktiviti pengisian telah diatur agar ianya

dapat **dilihat, didengar dan dirasai** sendiri oleh Keluarga Malaysia yang hadir.

7. Aktiviti-aktiviti yang diatur termasuklah:

a. Pameran Panel

“Moment of Unity”

yang menghimpunkan karya istimewa detik-detik perpaduan yang

terbit dari kalangan
lapisan masyarakat
berbilang kaum.

***b.* Pameran Rumah**

Kami yang
menawarkan peluang
Keluarga Malaysia
mengenali budaya dan
adat resam
kepelbagaian kaum;
dan

c. Citarasa Menu

Keluarga Malaysia

yang mempamerkan

keistimewaan dan

keunikan pilihan

kepelbagaian

makanan masyarakat

majmuk di Malaysia.

8. Penganjuran program

ini adalah salah satu

usaha Kementerian terus

mempergiat aktiviti
penyatupaduan Keluarga
Malaysia agar hubungan
keakraban dan
keharmonian masyarakat
dapat terus dipelihara.

9. Hasrat membina Keluarga
Malaysia yang kukuh ikatan
perpaduannya tidak hanya
terletak di atas bahu
Kerajaan semata-mata.

10. Justeru, pada hari ini
AEON (M) Sdn. Bhd **selaku**
rakan perpaduan turut
berganding tenaga, sama-
sama mendukung aspirasi
perpaduan yang merentasi
kepelbagaian agama,
bangsa, adat dan budaya
ini. Syabas dan tahniah
saya ucapkan di atas

komitmen yang telah
diberikan.

11. Justeru, saya menyeru
kepada seluruh Keluarga
Malaysia untuk terus
menyemarakkan lagi
semangat permuafakatan
yang terjalin dengan
mempraktikkan amalan
meraikan kepelbagaian

**dan menghormati
perbezaan.**

PENUTUP

12. Sekali lagi, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat khususnya kepada pihak AEON BiG (M) Sdn

Bhd yang telah sudi berkolaborasi menjayakan program ini.

13. Semoga dengan program yang kita adakan pada hari ini akan dapat menyemai rasa saling menghargai dan akhirnya memperat jalinan ikatan muhibbah Keluarga Malaysia.

14. Dengan lafaz yang mulia,
Bismillahirramannirrahim,
saya dengan ini
melancarkan Program
Galeri UNITI Keluarga
Malaysia.
Sekian, terima kasih.

Senarai lokasi Galeri UNITI Keluarga Malaysia

(9 galeri di AEON dan 8 galeri di lain-lain lokasi)

1	AEON BiG Bandar Tun Hussein Onn, Kajang Selangor
2	AEON Bandar Baru Klang, Selangor
3	AEON BiG Batu Pahat, Johor
4	AEON BiG Falim, Ipoh Perak
5	AEON BiG Penang Prai, P. Pinang
6	AEON Bandaraya Melaka
7	AEON Kota Bharu, Kelantan
8	AEON Kuching, Sarawak
9	AEON Seremban 2, N. Sembilan
10	Ruang Legar Pasaraya Kuantan Parade, Kuantan Pahang
11	Pusat Beli Belah KTCC Mall, Terengganu
12	Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan, W.P Putrajaya
13	Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Sabah
14	Kompleks Ujana Kewangan W.P Labuan
15	Econsave Kota Tinggi, Johor
16	Pasaraya Cmart Arau, Perlis
17	Wisma Persekutuan Anak Bukit, Kedah